

Kesan Buruk Berita Palsu Terhadap Masyarakat



Oleh: Nor Izhar Bin Nordin

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 27 Julai 2021

Tak pasti, jangan kongsi. Ini adalah cogan kata yang sering kita dengar melalui televisyen ekoran berita palsu yang banyak timbul kebelakangan ini.

Tambahan lagi dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sejak datangnya wabak Covid-19 di seluruh dunia telah menyebabkan peningkatan berita palsu dalam kalangan masyarakat.

Menurut kajian bertajuk *Perceived prevalence of fake news in Malaysia by type of source*, kira-kira 70 peratus berita palsu di Malaysia tular melalui platform internet berbanding 57 peratus yang tersebar melalui medium tradisional seperti televisyen dan akhbar.

Perkara ini amatlah membimbangkan terutamanya ketika ini kerana negara kita bukan sahaja perlu memerangi pandemik Covid-19 malah perlu menangani berita palsu yang disebar oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Berita palsu bukan sahaja mampu menimbulkan masalah ketidakpercayaan dalam masyarakat tetapi ia juga boleh mencetuskan panik dan kesan psikologi.

Masalah ini menjadi semakin rancak dengan kemunculan golongan antivaksin di negara ini. Awani Online melaporkan, di Pahang, sebanyak 10,000 orang tidak hadir temu janji untuk mendapatkan vaksin dan antara sebabnya adalah terpengaruh dengan berita palsu.

Bukan itu sahaja, seorang warga emas telah mengubah fikirannya untuk mendapatkan vaksin akibat terpengaruh dengan maklumat yang tersebar dalam media sosial dan melalui kenalannya.

Masalah berita palsu menjadi semakin rumit apabila isi kandungan dan cara penyampaiannya menyerupai berita yang sebenar. Perkara ini akan menyebabkan ramai pihak keliru dengan maklumat yang disebar oleh kerajaan dan pihak bertanggungjawab.

Kajian di Pew Research Center mendapati, apabila terdapat terlalu banyak maklumat palsu, ia akan menyebabkan orang ramai sukar menerima maklumat yang sebenar.

Kajian tersebut menyatakan, terdapat segelintir individu yang mengelakkan diri mereka daripada bercakap dengan masyarakat sekeliling hanya kerana kluatir dengan orang yang mereka berinteraksi.

Sebagai contoh, di Amerika Syarikat pada tahun 2016, Buzzfeed telah menjalankan satu kajian melalui rancangan Buzzsumo dari bulan Ogos sehingga pilihan raya.

Kajian itu mendapati bahawa masyarakat di negara itu lebih banyak membaca berita palsu di Facebook kerana lebih menarik berbanding berita dalam media arus perdana.

Berita palsu yang paling hangat ketika itu adalah Paus Francis menyokong Donald Trump untuk menjadi Presiden dan ia menerima hampir sejuta reaksi, kongsi dan komen. Kenyataan itu dibaca lebih sejuta kali.

Segelintir masyarakat lebih gemar membaca berita palsu kerana ia lebih menarik daripada berita sebenar. Perkara ini boleh menyebabkan masyarakat keliru sekiranya mereka tidak menyelidik secara mendalam.

Islam mengajar kita untuk mengkaji dahulu berita yang kita terima sebelum disebarkan. Jadi, kita mestilah mengkaji dahulu maklumat yang diterima terutamanya dari media sosial dan internet kerana di situ terdapat pencampuran maklumat yang benar dan salah.

Masalah berita palsu ini perlu diambil serius oleh semua pihak kerana perkara ini boleh menyebabkan pelbagai kesan buruk terhadap masyarakat.